



PLMJI
PUSAT LIBATSAMA MASYARAKAT
DAN JARINGAN INDUSTRI



GARIS PANDUAN **LATIHAN INDUSTRI** **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**



2019



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

GARIS PANDUAN LATIHAN INDUSTRI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



**PUSAT LIBATSAMA MASYARAKAT DAN JARINGAN INDUSTRI
(PLiMJI)
Cetakan 2019**

**CETAKAN PERTAMA.....2019**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLiMJl), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Diterbitkan oleh :

Pusat Libat Sama Masyarakat dan Jaringan Industri
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan

ISBN : 978-967-17442-0-8

**KATA-KATA ALUAN PENGARAH
PUSAT LIBATSAMA MASYARAKAT DAN JARINGAN INDUSTRI (PLiMJI)
UNIVERSITI SAISA ISLAM MALAYSIA (USIM)**



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

Dan Salam Sejahtera,

Keperluan industri masa kini memerlukan pekerja yang cekap dan berkemahiran tinggi. Dengan sebab itu, pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) perlu berusaha untuk mencapai tahap kebolehpasaran yang tinggi agar mampu untuk bersaing dengan graduan dari institusi yang lain. Latihan Industri memberi peluang pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran berkaitan di tempat kerja, berkomunikasi secara berkesan dengan pihak atasan dan rakan sekerja, mengamalkan semangat kerja berpasukan, profesional dan beretika serta mematuhi dasar dan prosedur organisasi.

Pelajar akan turut dinilai oleh pihak industry dan ini memberikan kelebihan kepada pelajar yang benar-benar dapat mempamerkan prestasi latihan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak industri. Format penilaian yang dilampirkan dapat membantu pelajar melihat dengan telus item penilaian oleh penilai industri dan USIM. Kriteria penilaian ini boleh digunakan oleh pelajar bagi mencapai hasil pembelajaran.

Oleh kerana ini Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLiMJI) USIM bertindak sebagai urusetia yang mengurus dan mengawal selia Latihan Industri bagi pihak fakult-fakulti. Garis Panduan Latihan Industri ini mengandungi objektif, peraturan am universiti yang perlu dipatuhi, kaedah pelaksanaan, panduan bagi penyelia latihan industri, peranan dan tanggungjawab ketiga-tiga pihak iaitu pelajar, universiti dan pihak industri dan akhir sekali proses penilaian pelajar.

Di kesempatan ini saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua ahli jawatkuasa penggubal dan semua pihak yang telah membantu menyediakan buku ini dengan jayanya.

PROF MADYA DR RAFIDAH HANIM BT MOKHTAR

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0 PENGENALAN	5
2.0 OBJEKTIF	
3.0 PERATURAN	6
3.1 Syarat Layak Menjalani LI	
3.2 Tempoh LI	
3.3 Pendaftaran Kursus	7
3.4 Syarat Lulus LI	
3.5 Penempatan LI	
3.6 Lapor Diri di Organisasi	8
3.7 Waktu LI	9
3.8 Laporan LI	
3.9 Bimbingan dan Penyeliaan	
3.10 Displin dan Tatatertib	
3.11 Kehadiran	10
3.12 Kes Gagal LI	11
3.13 Penangguhan LI	
3.14 Cuti	12
3.15 Insurans	
4.0 PELAKSANAAN LI	13
4.1 Penempatan LI	
4.2 Persediaan LI	
4.3 Keperluan Semasa LI	14
4.4 Penghantaran dan Laporan Akhir LI	15
4.5 Penyeliaan	
5.0 KRITERIA KELAYAKAN	16
5.1 Penyelia Industri	
6.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	
6.1 Penyelia Universiti	
6.2 Penyelia Industri	17
6.3 Ketua Program / Penyelaras LI di Fakulti	18
6.4 PLIMJI	
6.5 GOAL ITQAN	19
6.6 Pelajar	
7.0 PENILAIAN LI	20
7.1 Tujuan Penilaian	
7.2 Kaedah Penilaian	
7.3 Laporan (Pemberat Mengikut Keperluan Setiap Program)	21
8.0 SENARAI LAMPIRAN	22
9.0 RUJUKAN	31
10.0 PENGHARGAAN	32

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan Latihan Industri disediakan sebagai panduan pelaksanaan Latihan Industri (LI) oleh pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Garis panduan ini dibangunkan merujuk kepada Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu telah meletakkan LI sebagai salah satu syarat wajib untuk diikuti oleh semua pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda bagi menjalani program-program yang mempunyai LI dalam struktur pengajiannya. LI menjadi satu syarat wajib bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda, USIM. Hanya pelajar yang memenuhi syarat akademik yang ditetapkan oleh Fakulti masing-masing sahaja yang layak menjalani LI.

LI memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan teori yang dipelajari kepada situasi sebenar di alam pekerjaan. Selain itu, mereka dapat menerima pengalaman praktikal supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasaran graduan. Garis panduan ini disusun bertujuan untuk memudahkan para pelajar, penyelia dan pihak Organisasi memahami peranan masing-masing dalam melaksanakan LI.

Definisi Latihan Industri

Latihan industri merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan pratikal yang diselia dalam industri yang dipilih, sama ada di luar ataupun di dalam negara, dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Sijil, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.

2.0 OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI

Latihan Industri bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk :-

- Mendapat pengalaman praktikal yang sesuai dengan bidang pengkhususan masing-masing.
- Meningkatkan kemahiran berkomunikasi di pelbagai peringkat di organisasi.
- Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran akademik dalam alam pekerjaan yang sebenar.
- Mengamalkan etika profesional dalam bidang masing-masing.
- Mempertingkatkan kebolehpasaran pelajar supaya lebih berdaya saing.

3.0 PERATURAN LATIHAN INDUSTRI

Semasa menjalani LI, pelajar adalah tertakluk kepada peraturan Universiti serta peraturan Organisasi yang dipilih.

3.1 Syarat Layak Menjalani Latihan Industri

- 3.1.1 Pelajar layak menjalani LI tertakluk kepada program pengajian masing-masing.
- 3.1.2 Pelajar yang mendapat kelulusan Dekan Fakulti.

3.2 Tempoh

- 3.2.1 Tempoh LI bergantung kepada struktur program pengajian masing-masing dan tertakluk kepada kelulusan Universiti mengikut syarat yang ditetapkan setiap program pengajian (cth: program Sarjana Muda Perakaunan perlu mengikut keperluan Malaysian Institute Accountant (MIA) iaitu menjalani LI selama minimum 24 minggu)
- 3.2.2 Pelajar diwajibkan menjalani LI dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya tempoh LI pelajar tidak mencukupi, pelajar dikehendaki menambah masa LI yang diperlukan tertakluk kepada persetujuan majikan dan USIM.
- 3.2.3 Sekiranya pihak organisasi memerlukan perlanjutan tempoh LI atau memerlukan pelajar mendaftar lebih awal dari tarikh yang ditetapkan, pihak organisasi hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada USIM.
- 3.2.4 Sekiranya berlaku sebarang kemalangan dan kecederaan semasa tempoh menjalani LI, pelajar layak mendapat kemudahan perlindungan insuran seperti yang ditetapkan oleh USIM.

3.3 Pendaftaran Kursus

- 3.3.1 Pelajar perlu memastikan bayaran yuran pengajian dibuat sekurang-kurangnya (2) dua minggu sebelum semester sebelum LI bermula.
- 3.3.2 Pelajar WAJIB menguruskan permohonan LI melalui sistem eLI USIM.
- 3.3.3 Pelajar WAJIB mendaftar Kursus Latihan Industri dalam tempoh bermula dari minggu pra-pendaftaran dibuka iaitu dari minggu ke 13 perkuliahan sehingga selewat-lewatnya minggu ke 2 semester bermula menerusi Portal iStudent.

3.4 Syarat Lulus Latihan Industri

Gred lulus adalah berpandukan gred lulus subjek (**lulus D**).

3.5 Penempatan Latihan Industri

- 3.5.1 Pemilihan penempatan LI berdasarkan persetujuan Fakulti mengikut kriteria berikut:
 - 3.5.1.1 Mengikut keperluan bidang yang berkaitan dengan pengajian.
 - 3.5.1.2 Senarai tempat LI adalah seperti yang disenaraikan dalam sistem eLI dengan saranan oleh Ketua Program masing-masing.
 - 3.5.1.3 Sekiranya tempat LI tiada dalam senarai sistem eLI, pelajar wajib mendaftar tempat tersebut melalui fungsian menu di sistem eLI "Organization-Add New Organization" dan akan disemak oleh PLiMJl untuk kelulusan.
- 3.5.2 Pertukaran penempatan **TIDAK** dibenarkan selepas Surat Pengesahan (*Confirmation Letter*) diterima oleh Pihak Industri.
- 3.5.3 Pertukaran penempatan hanya akan dipertimbangkan atas alasan yang munasabah (seperti berlaku majikan/syarikat menyalahgunakan kuasa, gangguan seksual, kediaman

diceroboh hingga membahayakan nyawa pelajar) dan mendapat kebenaran bertulis dari Fakulti.

- 3.5.4 Pelajar yang bertukar penempatan **TANPA** kebenaran Dekan Fakulti / Ketua Program dianggap tidak menjalani LI dan selagi tidak mendaftarkan tempat baru itu, pelajar berkemungkinan perlu menyambung baki tempoh LI kerana dianggap tidak memenuhi syarat bergraduasi disebabkan tidak mencukupi tempoh LI yang ditetapkan oleh fakulti.
- 3.5.5 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** untuk menjalani LI di dalam USIM kecuali:-
- 3.5.5.1 Mendapat kelulusan secara bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

3.6 Laporan Diri di Organisasi

- 3.6.1 Pelajar hendaklah memastikan borang aku janji telah ditandatangani oleh pelajar dan ketua program / penyelarasan sebelum melapor diri.
- 3.6.2 Pelajar hendaklah membawa Bersama 3 salinan dokumen berikut ketika melapor diri untuk diserahkan kepada penyelia industri :-
- i. Borang Aku Janji Pelajar
 - ii. Surat Pengesahan perlindungan insuran pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
 - iii. Surat pengesahan penerimaan menjalani latihan industri
- 3.6.3 Pelajar dikehendaki melaporkan diri di organisasi pada masa dan tarikh yang ditetapkan. Sekiranya perkara ini tidak dapat dilakukan atas sebab yang tidak dapat dielakkan, pelajar hendaklah memaklumkan kepada pihak PLIMJI dan Ketua Program masing-masing secara bertulis (surat atau email).

3.7 Waktu Latihan Industri

Pelajar dikehendaki mematuhi waktu bekerja yang ditetapkan oleh organisasi dengan mengambil kira tempoh jam maksimum (8 jam) sehari. Walaubagaimanapun, ianya masih tertakluk kepada keperluan organisasi dimana pelajar menjalani latihan industri tersebut selagimana ianya munasabah dan berperilaku kemanusiaan dan tidak melampaui batas.

3.8 Laporan Latihan Industri

- 3.8.1 Pelajar dikehendaki merekod segala aktiviti mingguan (*weekly report*) di dalam Sistem eLI.
- 3.8.2 Bagi Laporan Akhir Latihan Industri, pelajar dikehendaki menyediakan dan menyerahkan Laporan Akhir Latihan Industri kepada Penyelia Universiti mengikut ketetapan program masing-masing.

3.9 Bimbingan dan Penyeliaan

Pelajar boleh mendapat bimbingan dan perlu mematuhi arahan Penyelia Industri, Ketua Program dan Penyelia Universiti semasa tempoh LI selagi ianya tidak melanggar hak pekerja mengikut Akta Pekerja 1955.

3.10 Disiplin dan Tatatertib

- 3.10.1 Pelajar sepanjang menjalani LI adalah tetap tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.
- 3.10.2 Pelajar juga hendaklah pada setiap masa sepanjang LI mematuhi peraturan atau arahan tempat di mana latihan itu dijalankan.
- 3.10.3 Jika sekiranya ada apa-apa yang berlawanan atau bercanggah antara Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Kaedah-kaedah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dengan peraturan atau arahan tempat di mana latihan itu dijalankan, Akta Universiti dan Kolej Universiti Universiti Sains Islam Malaysia 1971 dan Kaedah-kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 hendaklah terpakai.

- 3.10.4 Pelajar hendaklah pada setiap masa menunjukkan tahap disiplin yang tinggi, berkelakuan baik dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada Organisasi di mana pelajar ditempatkan. Pelajar ditegah dari membocorkan rahsia dan memberi sebarang maklumat berkaitan urusan niaga pihak Organisasi semasa atau selepas menjalani LI.
- 3.10.5 Pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas dan rapi serta menutup aurat secara sempurna dengan mengikut syariat Islam dan tertakluk kepada etika pemakaian Organisasi.

3.11 Kehadiran

- 3.11.1 Pelajar dikehendaki hadir ke Organisasi dan mematuhi masa bekerja seperti yang ditetapkan dalam perkara **3.8**.
- 3.11.2 Pelajar diwajibkan menghadiri sepenuhnya LI.
- 3.11.3 Pelajar yang tidak dapat menghadiri LI dalam tempoh yang tidak melebihi **TIGA (3) hari** bekerja atas alasan kesihatan dan perubatan atau alasan lain yang dianggap munasabah oleh Fakulti dan organisasi dimana pelajar tersebut menjalani latihan industri, pelajar tersebut disifatkan masih memenuhi keperluan LI.
- 3.11.4 Pelajar yang tidak menghadiri LI lebih daripada **TIGA (3) hari** bekerja dengan alasan perubatan dan kesihatan atau alasan lain yang munasabah (diluluskan oleh Ketua Program / Penyelaras serta organisasi dimana mereka menjalani latihan industri) perlu menggantikan tempoh ketidakhadiran tersebut di penghujung tempoh Latihan Industri. Walaubagaimanapun, keperluan untuk mengganti ketidakhadiran itu bergantung kepada budi bicara organisasi, jika organisasi di mana pelajar menjalani latihan industri tersebut tidak memerlukan penggantian, maka tidaklah perlu digantikan. Sehubungan dengan itu, **KEGAGALAN** pelajar menggantikan tempoh ketidakhadiran sekiranya perlu disifatkan sebagai tidak memenuhi syarat dan perlu mengulang LI sepenuhnya.

- 3.11.5 Bagi **Perkara 3.12.4** dan **3.12.5**, ianya tertakluk kepada keputusan Universiti.

3.12 Kes Gagal Latihan Industri

- 3.12.1 Pelajar gagal sekiranya:

3.12.1.1 Tidak menghadiri LI lebih daripada **TIGA (3)** hari bekerja tanpa alasan munasabah.

3.12.1.2 Pelajar yang memperoleh Gred F dalam LI.

Rujuk Perkara 3.5 dan 3.11.5*

- 3.12.2 Sekiranya pelajar disahkan gagal dalam LI oleh Senat, pelajar berkenaan dikehendaki mengulangi keseluruhan LI tersebut.
- 3.12.3 Pelajar diberi peluang mengulangi LI **SATU (1) KALI** sahaja sepanjang pengajian.

3.13 Penangguhan Latihan Industri

- 3.13.1 Pelajar yang ingin menangguhkan LI perlu mengemukakan permohonan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui Dekan selewat-lewatnya minggu ketiga selepas LI bermula kecuali atas sebab-sebab kesihatan.
- 3.13.2 LI harus ditangguhkan sekiranya pelaksanaan LI bertindih dengan semester biasa kecuali kes-kes khas yang diterima oleh pihak Universiti. Sekiranya berlaku, pelajar adalah tertakluk kepada peraturan penangguhan pengajian yang termaktub dalam Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Perkara Akademik) 2008.
- 3.13.3 Pelajar yang mewakili negara dalam acara sukan atau menjalani aktiviti yang diarahkan oleh Kerajaan atau Universiti boleh diberi kelulusan khas untuk menangguh LI. Penangguhan LI itu tidak diambilkira dalam jumlah pengiraan semester yang dibenarkan dalam pengijazahan.

3.14 Cuti

- 3.14.1 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** mengambil cuti sewaktu menjalani LI.
- 3.14.2 Sekiranya pelajar tidak dapat hadir kerana kecemasan atau cuti sakit, pelajar dikehendaki:
 - 3.14.2.1 Menghubungi penyelia industri dengan segera.
 - 3.14.2.2 Menyerahkan surat cuti sakit yang diperolehi daripada Hospital / klinik kerajaan / klinik panel kepada pihak Organisasi.
 - 3.14.2.3 Menyediakan salinan surat cuti sakit kepada Ketua Program dan lampirkan di dalam Laporan Akhir pelajar.
- 3.14.3 Sekiranya pelajar perlu mengambil cuti atas urusan penting, pelajar perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis dahulu daripada organisasi.
- 3.14.4 Pelajar yang mengalami masalah kesihatan seperti kemalangan atau bersalin dan tidak dapat menjalani LI dinasihatkan supaya menangguhkan LI.
- 3.14.5 Dalam kes tertentu, Fakulti boleh bertindak menangguhkan Kursus Latihan Industri seseorang pelajar.

3.15 Insurans

Pelajar USIM yang menjalani LI dalam tempoh yang diluluskan adalah dilindungi insurans yang diuruskan oleh Unit Kebajikan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, USIM.

Tertakluk kepada terma dan syarat PELAN TAKAFUL KELUARGA BERKELOMPOK.

4.0 PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI

4.1 Penempatan Latihan Industri

- 4.1.1 Tempat LI akan dipohon oleh pelajar di dalam sistem e-LI dan disahkan oleh pihak Fakulti melalui Ketua Program dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian.
- 4.1.2 Penempatan LI boleh melibatkan sama ada industri / agensi awam dan swasta berdasarkan kesesuaian program.
- 4.1.3 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** menjalani Latihan Industri di mana-mana jabatan di USIM, **KECUALI** pelajar luar negara/ antarabangsa yang tidak mendapat penempatan latihan industri dengan kelulusan TNCAA.
- 4.1.4 Bagi perkara 4.1.3 di atas, pelajar **TIDAK DIBENARKAN** menjalani Latihan Industri di fakulti yang sama di mana pelajar mengikuti pengajian semasa.
- 4.1.5 USIM akan hanya bertanggungjawab terhadap pelajar semasa menjalani LI dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh USIM. Sekiranya pelajar menjalani LI melebihi tempoh masa yang ditetapkan, USIM tidak akan bertanggungjawab terhadap pelajar jika terjadi sebarang kecelakaan atau kemalangan melibatkan pelajar dalam tempoh tersebut.
- 4.1.6 Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** melakukan Latihan Industri dengan majikan yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan mempunyai kepentingan peribadi.

4.2 Persediaan Sebelum Latihan Industri

Sebelum menjalani LI, pelajar dikehendaki terlebih dahulu:

- 4.2.1 Pelajar wajib menghadiri taklimat pengenalan LI. Taklimat tersebut dianjurkan oleh Fakulti bertujuan memberi panduan kepada pelajar mengenai:
 - 4.2.1.1 Kursus Latihan Industri.
 - 4.2.1.2 Kaedah memilih dan memohon tempat LI.

- 4.2.1.3 Kaedah penilaian LI.
- 4.2.1.4 Kaedah dan teknik berkomunikasi. Keterampilan dan etika
- 4.2.1.5 Penyediaan laporan-laporan dan tugas LI.
- 4.2.1.6 Mengisi maklumat diri dan cadangan penempatan LI.
- 4.2.1.7 Kerahsiaan Maklumat Organisasi.
- 4.2.1.8 Syarat-syarat Pengajaran dan Pembelajaran & Keselamatan USIM

- 4.2.2 Pelajar **WAJIB** mendaftar Kursus Latihan Industri dalam tempoh bermula dari minggu pra-pendaftaran dibuka iaitu dari minggu ke 13 perkuliahan sehingga selewat-lewatnya minggu ke 2 semester bermula menerusi Portal iStudent.
- 4.2.3 Mencari dan membuat permohonan kepada organisasi yang sesuai mengikut keperluan pengajian bagi menjalani LI serta mengemaskini resume di dalam sistem e-LI (rujuk 4.1)
- 4.2.4 Membaca dan memahami Garis Panduan Latihan Industri USIM.
- 4.2.5 Berjumpa dan berbincang dengan Ketua Program/Penyelaras LI Fakulti/Program masing-masing mengenai kesesuaian organisasi.
- 4.2.6 Mengisi dan melengkapkan Surat Perakuan Menjalankan Program Latihan Industri Melebihi Tempoh Masa yang ditetapkan oleh Universiti sekiranya pelajar menjalani LI melebihi masa yang ditetapkan oleh Universiti.

4.3 Keperluan Semasa Latihan Industri

Semasa menjalani LI, pelajar diwajibkan:

- 4.3.1 Melapor diri di Organisasi LI pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh Universiti.

- 4.3.2 Berjumpa dan berbincang dengan Penyelia Industri yang dilantik oleh Organisasi.
- 4.3.3 Mengisi dan mengembalikan Borang Lapor Diri (USIM-LI-BI) yang telah dilengkapkan kepada Ketua Program atau Fakulti dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh lapor diri di organisasi.
- 4.3.4 Pelajar hendaklah mendaftarkan Penyelia Industri di dalam Sistem e-LI dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh lapor diri.
- 4.3.5 Mengisi dan melengkapkan Laporan Mingguan di dalam Sistem e-LI sepanjang tempoh LI.
- 4.3.6 Penyelia Industri perlu membuat penilaian dan mengesahkan laporan akhir sebelum dihantar ke fakulti. Kegagalan menghantar Laporan akhir dalam masa yang ditetapkan oleh program masing-masing boleh menjejaskan keputusan akhir pelajar.

4.4 Penghantaran, Penilaian dan Laporan Akhir Latihan Industri

Pelajar hendaklah:

- 4.4.1 Mengingatkan Penyelia Industri supaya mengisi Borang Penilaian Penyelia Industri di dalam sistem e-LI selewat-lewatnya seminggu selepas tamat tempoh menjalani LI.
- 4.4.2 Kegagalan Penyelia Industri mengisi borang penilaian akan mengakibatkan pemarkahan pelajar akan terjejas.
- 4.4.3 Menyiapkan dan menghantar Laporan Akhir Latihan Industri kepada Penyelia Universiti mengikut ketetapan program pengajian masing-masing.

4.5 Penyeliaan

- 4.5.1 Ketua Program atau Penyelaras Latihan Industri di Fakulti perlu menamakan bagi setiap pelajar yang menjalani LI, Penyelia Universiti yang perlu melakukan penyeliaan kepada pelajar.

- 4.5.2 Penyelia universiti perlu mengemaskini status lawatan atau visitation status di dalam sistem e-Li untuk membolehkan penyelia industri mengisi markah pelajar di dalam sistem e-Li
- 4.5.3 Tiada had bilangan seliaan pelajar yang ditetapkan kepada penyelia industri.

5.0 KRITERIA KELAYAKAN

5.1 Penyelia Industri

Penyelia Industri akan dikenalpasti dan dilantik oleh majikan yang mempunyai pengalaman industri dalam bidang berkaitan. Penyelia latihan industri merujuk kepada pegawai yang bertanggungjawab secara langsung kepada pelajar dan mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 3 tahun. Pelajar perlu diselia oleh kakitangan yang bekerja di organisasi tersebut. Kebiasaannya, penyelia latihan industri perlu mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang di mana pelajar berada di dalamnya.

Organisasi boleh menetapkan maksimum 3 orang penyelia industri untuk menyelia seseorang pelajar yang menjalani latihan industri. Walaubagaimanapun hanya seorang sahaja yang dibenarkan untuk memberi markah penilaian di dalam sistem eLI.

6.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

6.1 Penyelia Universiti

- 6.1.1 Memberi khidmat nasihat kepada pelajar.
- 6.1.2 Berbincang dengan Penyelia Industri tentang prestasi pelajar.
- 6.1.3 Menilai prestasi pelajar dengan mengisi:
 - a) Penilaian Penyelia Universiti
 - b) Borang Penilaian Laporan Akhir dan
 - c) Borang Penilaian Pembentangan Lisan

- 6.1.4 Mengumpul Laporan Akhir Latihan Industri pelajar dan dikehendaki menyerahkan markah LI kepada Ketua Program/Penyelaras Latihan Industri untuk tindakan selanjutnya.
- 6.1.5 Penyeliaan oleh Penyelia Universiti boleh dilakukan mengikut kesesuaian program dan keperluan fakulti. Antara kaedah yang boleh digunakan adalah seperti berikut :-
 - a) Lawatan ke Organisasi
 - b) Telefon
 - c) Aplikasi Media Sosial seperti *Whats App* dan lain-lain
 - d) Persidangan video (*Skype*)
 - e) Email
- 6.1.6 Bagi perkara 6.1.5 (a) lawatan penyeliaan boleh dilakukan sekurang-kurangnya SATU (1) kali sepanjang tempoh LI kecuali kes-kes khas yang memerlukan lebih daripada SATU (1) kali penyeliaan dan perlu mendapatkan kebenaran Fakulti.

6.2 Penyelia Industri

- 6.2.1 Menyelia tugas-tugas pelajar semasa LI.
- 6.2.2 Menyemak laporan mingguan pelajar dan menilai prestasi kerja pelajar di akhir LI dengan mengisi Borang Penilaian Penyelia Industri.
- 6.2.3 Mengesahkan Borang Perlepasan dan Pengesahan Latihan Industri (USIM –LI-B5) sebelum dihantar ke peringkat Universiti untuk penilaian.
- 6.2.4 Melaporkan dan berbincang dengan Penyelia Universiti berkenaan prestasi dan isu-isu yang berbangkit oleh pelajar LI jika ada.
- 6.2.5 Penyelia latihan industri harus memberi pelajar tugas harian mengikut yang berikut:
 - a. Berasaskan projek;
 - b. Berasaskan penyelidikan;
 - c. Berasaskan masalah;

Tidak termasuk perkara berikut;

- a. Kerja perkeranian;
- b. Kerja peribadi;
- c. Kerja rumah;

6.3 Ketua Program /Penyelaras Latihan Industri di Fakulti

- 6.3.1 Memberi penerangan dan taklimat kepada pelajar sebelum mereka menjalani LI.
- 6.3.2 Mengurus pemilihan dan penempatan pelajar LI.
- 6.3.3 Menamakan Penyelia Universiti bagi setiap pelajar LI.
- 6.3.4 Memberi penerangan dan taklimat kepada Penyelia Universiti tentang tugas mereka serta proses penyeliaan.
- 6.3.5 Menyelaras markah dan gred pelajar LI di peringkat Fakulti.
- 6.3.6 Melaporkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Program Latihan Industri Universiti kepada Fakulti.
- 6.3.7 Mengesahkan dan cop perakuan surat permohonan LI pelajar (semasa proses permohonan)
- 6.3.8 Meluluskan penerimaan tawaran penempatan pelajar di dalam sistem eLI (semasa proses penerimaan tawaran)
- 6.3.9 Ketua Program perlu menandatangani surat aku janji pelajar (selepas proses penerimaan tawaran)

6.4 Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLiMJl)

- 6.4.1 Meluluskan kod baharu organisasi yang didaftarkan di dalam sistem eLI.
- 6.4.2 Mendaftarkan pendaftaran organisasi syarikat baharu yang berurusan secara terus dengan PLiMJl didalam sistem eLI.

- 6.4.3 Membantu masalah yang berkaitan dengan permohonan e-LI.
- 6.4.4 Memberi taklimat Latihan Industri kepada pelajar yang akan menjalani LI dengan kerjasama Ketua Program di setiap fakulti.
- 6.4.5 Menyelaras tarikh penting bagi Latihan Industri dengan pihak Ketua Program (tempoh LI) dan Bahagian Pengurusan Akademik (tarikh pendaftaran subjek dan kursus serta tarikh penjanaan markah peperiksaan akhir semester)
- 6.4.6 Menyelaras data dan laporan LI bagi MyMohes dan MyRA

6.5 Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global, Teknologi Immersif dan Rangkaian (GOAL-ITQAN)

- 6.5.1 Membina sistem eLI
- 6.5.2 Membantu menyelesaikan masalah teknikal sistem eLI
- 6.5.3 Membantu mengemaskini perubahan sistem eLI dari masa ke semasa
- 6.5.4 Membantu mengeluarkan data dan laporan bagi LI USIM

6.6 Pelajar

- 6.6.1 Mencari tempat dan menguruskan permohonan untuk menjalani LI
- 6.6.2 Membuat dan menghantar surat permohonan rasmi yang telah disahkan oleh Ketua Program masing-masing berserta resume kepada organisasi
- 6.6.3 Membuat tindakan susulan permohonan LI kepada organisasi
- 6.6.4 Menghantar salinan surat tawaran daripada organisasi ke Ketua Program masing-masing dan PLiMJI untuk tindakan mengemaskini status permohonan pelajar (Industry Offer) di dalam sistem eLI
- 6.6.5 Membuat surat penolakan rasmi tawaran kepada organisasi yang berkaitan sekiranya pelajar mendapat lebih dari satu tawaran

- 6.6.6 Memastikan menyelesaikan hutang pengajian yang tertunggak
- 6.6.7 Memastikan membuat pendaftaran subjek / kursus LI
- 6.6.8 Memasukkan maklumat organisasi bagi penerimaan tawaran tempat LI ke dalam sistem eLI untuk kelulusan Ketua Program masing-masing
- 6.6.9 Mengemaskini status menerima tawaran (Accept Offer) di dalam sistem eLI.

7.0 PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI

7.1 Tujuan Penilaian:

- 7.1.1 Mengukur prestasi kerja/latihan dan mutu penghasilankerja pelajar LI.
- 7.1.2 Menilai perkembangan sahsiah pelajar dan membimbing pelajar LI.

7.2 Kaedah Penilaian

- 7.2.1 Penilaian dilakukan pada TIGA (3) peringkat iaitu:

Industri (Pemberat mengikut keperluan setiap program)

- 7.2.1.1 Pelajar akan dinilai prestasinya oleh pihak Organisasi melalui Penilaian Penyelia Industri di dalam eLI.
- 7.2.1.2 Perkara-perkara yang diambil kira dalam penilaian ini adalah berdasarkan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) mengikut keperluan setiap program.

7.2.2 Fakulti (Pemberat mengikut keperluan setiap program)

- 7.2.2.1 Pelajar akan dinilai prestasinya oleh Penyelia Universiti dengan menggunakan Borang Penilaian Penyelia Universiti.

7.2.2.2 Perkara-perkara yang diambil kira dalam penilaian ini adalah berdasarkan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) mengikut keperluan setiap program.

7.2.3 Laporan (Pemberat mengikut keperluan setiap program)

7.2.3.1 Pelajar akan dinilai prestasinya oleh Penyelia Universiti di dalam Sistem e-LI. Perkara-perkara yang diambil kira dalam penilaian ini merangkumi Laporan Catatan Mingguan, Laporan Akhir Latihan Industri dan Pembentangan Lisan.

7.2.3.2 Laporan Akhir Latihan Industri adalah berdasarkan format yang telah ditetapkan oleh fakulti dan dihantar di dalam bentuk 'softbound' semasa hari pembentangan Latihan Industri.

7.2.3.3 Tugas Khusus merujuk kepada satu tugas spesifik yang diberikan oleh Fakulti kepada pelajar.

8.0 SENARAI LAMPIRAN

- Contoh Surat Rasmi Permohonan Tempat LI
- Contoh Borang Maklumbalas Penawaran Tempat LI
- Contoh Surat Pengesahan Penerimaan Tempat LI
- Contoh Surat Akujanji (Letter of Undertaking)
- Contoh Surat Jaminan Insurans
- Contoh Surat Penolakan Penawaran Tempat LI

Garis Panduan Latihan Industri ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat Universiti Kali Ke 110 Bil. 2/2019

LAMPIRAN

CONTOH SURAT AKUJANJI (LETTER OF UNDERTAKING)



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

AKU JANJI PELAJAR

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Saya, [REDACTED] (No. K/P: [REDACTED]) seorang warganegara Malaysia dan beralamat di [REDACTED] dengan sesungguh dan sebenarnya mengakujANJI seperti berikut:-

1. Bersetuju untuk mengikuti Program Latihan Industri yang dianjurkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN
2. Bahawa saya akan sentiasa melakukan tugas dengan cermat, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
3. Bahawa saya akan melindungi dan amanah dalam menjalankan tugas di Syarikat/Organisasi tersebut di atas dan akan sentiasa memastikan segala maklumat, pendapat dan dokumen yang berada di dalam pengetahuan saya sebagai perkara sulit dan rahsia yang hanya boleh dikongsi untuk tujuan Program Latihan Industri ini sahaja. Saya juga tidak boleh mendedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran pihak Syarikat/Organisasi tersebut; dan
4. Bahawa saya amat jelas dan faham bahawa sekiranya saya telah melanggar Akujanji ini, maka saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dan juga tindakan undang-undang di bawah undang-undang Malaysia.

Diperbuat dan diakui)
sebenar-benarnya)
oleh)
Nama Pelajar: [REDACTED])
[REDACTED])

NAEEM)
No. K/P:)
[REDACTED]
di Universiti Sains Islam
Malaysia, Nilai,
Negeri Sembilan Darul
Khusus,
pada 14 haribulan May 2019

Di hadapan saya,

.....
Ketua Program / Penyelaras Latihan Industri
SARJANA MUDA FIQH DAN FATWA DENGAN
KEPUJIAN
Universiti Sains Islam Malaysia

*Surat Aku Janji Pelajar ini perlulah disimpan oleh Ketua Program dan diberikan satu salinan kepada penyelia industri oleh pelajar semasa melapor diri menjalani Latihan Industri.

CONTOH SURAT RASMI PERMOHONAN TEMPAT LI



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Pusat Libatsama Masyarakat & Jaringan Industri

Rujukan : USIM 1.1.21/176/3/SM4771/1151461
 Tarikh : 14 May 2019

SEKOLAH TINGGI ISLAM AS-SOFA
 LOT 11A, LORONG BUNGA TANJUNG,
 1/1 SENAWANG INDUSTRI PARK
 70450 SENAWANG
 NEGERI SEMBILAN

Tuan / Puan,

PERMOHONAN PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ingin memohon kebenaran daripada pihak tuan/puan untuk menerima pelajar USIM seperti yang berikut untuk menjalani program Latihan Industri di syarikat/organisasi tuan/puan:-

NAMA	:	[REDACTED]
NO. K/P	:	[REDACTED]
NO. MATRIK	:	[REDACTED]
FAKULTI	:	FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
PROGRAM	:	SARJANA MUDA FIQH DAN FATWA DENGAN KEPUJIAN (QI08)
NO. TEL	:	[REDACTED]
EMEL	:	[REDACTED]
TEMPOH L.I.	:	04/02/2019 SEHINGGA 24/05/2019
CAWANGAN *Sekiranya berkaitan	:	

3. Untuk pengetahuan pihak tuan/puan, Latihan Industri merupakan satu subjek yang wajib diambil oleh setiap pelajar USIM sebagai satu syarat untuk bergraduasi. Objektif kepada program Latihan Industri ini adalah untuk memberi latihan secara langsung kepada pelajar dan memberi pendedahan mengenai aspek pengurusan di dalam organisasi/syarikat dan seterusnya membantu mereka untuk mendapatkan pengalaman kerja di luar kampus.

4. Sehubungan dengan itu, disertakan bersama-sama surat ini juga resume pemohon berserta surat maklum balas daripada pihak tuan/puan untuk tindakan pihak tuan/puan yang seterusnya. Pihak USIM amat menghargai jika pihak tuan/puan dapat memberi jawapan penerimaan/penolakan kepada permohonan ini dalam tempoh SATU(1) minggu selepas pihak tuan/puan menerima surat ini.

5. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan/puan berhubung perkara diatas amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian,

"BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA"

Saya Yang Menjalankan Amanah,

YBHG. PROF. MADYA DR. RAFIDAH HANIM MOKHTAR

Pengarah

Pusat Libatsama Masyarakat & Jaringan Industri

CONTOH BORANG MAKLUMBALAS PENAWARAN TEMPAT LI



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



Tarikh :14 May 2019

Pengarah
 Pusat Libat-sama Masyarakat dan Jaringan Industri
 Aras 3, Bangunan Canselor
 Universiti Sains Islam Malaysia
 71800 Nilai
 NEGERI SEMBILAN

No Tel: 06 - 7988155 / 8051 / 8078
 No Fax : 06 - 7986291
 Emel : info.plmj@usim.edu.my

No. Rujukan : USIM 2.28.1/176/A182/2019/SM4771

Tuan/Puan

SURAT MAKLUM BALAS PERMOHONAN LATIHAN INDUSTRI

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara diatas.

Dengan ini pihak kami MENERIMA/TIDAK MENERIMA* permohonan menjalani latihan industri di tempat kami mengikut tempoh seperti yang telah dinyatakan di dalam surat permohonan penempatan latihan industri USIM.

Sila potong yang TIDAK BERKENAAN

BIL.	NAMA PELAJAR	NO MATRIK	TEMPOH LI	INDUSTRI YANG DIMOHON OLEH PELAJAR	MAKLUMAT TAWARAN PENEMPATAN (DIISI OLEH PEGAWAI INDUSTRI)
1	[REDACTED]	[REDACTED]	04/02/2019 SEHINGGA 24/05/2019	IBU PEJABAT: SEKOLAH TINGGI ISLAM AS-SOFA LOT 11A,LORONG BUNGA TANJUNG,, 1/1 SENAWANG INDUSTRI PARK,70450 SENAWANG,NEGERI SEMBILAN CAWANGAN: ..	

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN	YA	TIDAK
ELAUN		
PENGINAPAN		
PENGANGKUTAN		

Sekian, terima kasih.

(NAMA DAN COP RASMI)

Tarikh :

CONTOH SURAT PENGESAHAN PENERIMAAN TEMPAT LI



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



Pusat Libatsama Masyarakat & Jaringan Industri
 Tel: 06-798 8078/ 8155/ 8051 Faks: 06-798 6291

Rujukan :USIM: 1.1.21/176/3/KJ224
 Tarikh:14 - 05 - 2019

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN
 TINGKAT BAWAH, WISMA PERSEKUTUAN, JALAN DATO ABDUL KADIR
 70000 SEREMBAN
 NEGERI SEMBILAN

Tuan/Puan,

PENGESAHAN PENERIMAAN MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

Berdasarkan kepada maklumbalas yang telah diberikan oleh pihak tuan/puan kepada pihak kami berkaitan dengan permohonan penempatan Latihan Industri pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), kami ingin membuat pengesahan bahawa pelajar seperti dinyatakan di bawah **MENERIMA** dan **BERSETUJU** untuk menjalani Latihan Industri di organisasi/syarikat tuan/puan.

NAMA	[REDACTED]		
NO. K/P	[REDACTED]	NO. MATRIK	[REDACTED]
FAKULTI	FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG		
PROGRAM	SARJANA MUDA FIQH DAN FATWA DENGAN KEPUJIAN		
TEMPOH L.I.	04/02/2019 HINGGA 24/05/2019		
CAWANGAN *Sekiranya berkaitan			

2 Pihak USIM ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan kesudian pihak tuan/puan untuk menerima pelajar kami tersebut menjalani Latihan Industri. Kami berharap agar kerjasama ini dapat memberi faedah dan manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

"BERILMU, BERDISIPLIN, BERTAKWA"



" SURAT INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER MENERUSI SISTEM E-LI DAN TIDAK MEMERLUKAN TANDATANGAN"

CONTOH SURAT JAMINAN INSURANS



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Unit Penajaan, Kebajikan dan Tatatertib, Bahagian Hal Ehwal Pelajar
 Tel: 06-7986151/6160 Fax: 06-7986171

USIM : 1.S. 1/102/1 Jld 4 (KJ224-1151461)
 14 May 2019

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN
 TINGKAT BAWAH, WISMA PERSEKUTUAN, JALAN DATO ABDUL KADIR

70000 SEREMBAN
 NEGERI SEMBILAN

Tuan / Puan,

PENGESAHAN PERLINDUNGAN INSURAN PELAJAR UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Berhubung perkara di atas, dimaklumkan bahawa pelajar USIM yang menjalani Latihan Industri/Praktikum di organisasi Tuan/Puan telah dilindungi oleh Pelan Takaful Keluarga Berkelompok merujuk butiran maklumat berikut-

NAMA	:	[REDACTED]
WARGANEGARA	:	WARGANEGARA
PROGRAM	:	SARJANA MUDA FIGH DAN FATWA DENGAN KEPUJIAN
JENIS PERLINDUNGAN	:	PELAN TAKAFUL KELUARGA BERKELOMPOK
NO. RUJUKAN	:	379110001175-2
TEMPOH PERLINDUNGAN	:	01 SEPTEMBER 2018 HINGGA 31 OGOS 2019

2. Butiran perlindungan adalah seperti di lampiran. Sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan Pn. Siti Khadijah atau Pn. Haslinda, Unit Penajaan, Kebajikan dan Tatatertib, Bahagian Hal Ehwal Pelajar di talian 06-7986151 atau 06-7986160.

3. Segala kerjasama dan perhatian Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA"



Bahagian Hal Ehwal Pelajar
 Universiti Sains Islam Malaysia

SURAT INI ADALAH CETAKAN DARIPADA SISTEM eLI DAN TIDAK MEMERLUKAN TANDATANGAN.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Sains Islam Malaysia
 Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
 Tel: 06-7986151/6160 | Faks: 06-7986154/6155

igonal@qan.inhaha

LAMPIRAN**BUTIRAN PERLINDUNGAN PELAN TAKAFUL KELUARGA BERKELOMPOK
HSBC AMANAH TAKAFUL (M) SDN BHD UNTUK
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
(PELAJAR SARJANA MUDA DAN TAMHIDI)**

ITEM	MANFAAT
Kematian	RM 15 000.00
Keliatan Total Kekal	RM 15 000.00 (Sebab Kemalangan) RM 10 000 (Sebab Alami)
Perbelanjaan Pengebumian	RM 2000.00
Kemasukan ke Hospital	RM 25.00 sehari (Maksimum 30 hari)
Elaun Ragut	RM 500.00

Nota: Sah untuk tempoh perlindungan sahaja berdasarkan kepada caruman tahunan sebanyak RM 15.16 seorang.

CONTOH SURAT PENOLAKAN PENAWARAN TEMPAT LI



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 كَامِئَةُ السُّلُوْا الْاِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Pusat Libatsama Masyarakat & Jaringan Industri
 Tel: 06-7988155/8078|Faks: 06-7986291

Rujukan : USIM 1.1.21/176/3/SM18830
 Tarikh : 14 May 2019

BAHAGIAN FATWA JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
 TINGKAT 15, MENARA MAINS, JALAN TAMAN BUNGA,

70000 SEREMBAN
 NEGERI SEMBILAN

Tuan / Puan

PENOLAKAN TAWARAN MENJALANI LATIHAN INDUSTRI PELAJAR USIM

Berdasarkan perkara di atas, dukacita dimaklumkan bahawa pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) seperti yang dinyatakan di bawah telah **MENOLAK** tawaran daripada pihak tuan/puan untuk menjalani Latihan Industri di syarikat/organisasi tuan/puan.

BIL	NAMA PELAJAR	NO MATRIK
1	[REDACTED]	[REDACTED]

2. Walaubagaimanapun, pihak USIM ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas sokongan dan kepercayaan yang telah diberikan oleh pihak tuan/puan dengan menawarkan tempat Latihan Industri kepada pelajar-pelajar USIM.

3. Pihak kami juga berharap agar pihak tuan/puan tidak keberatan untuk menawarkan tempat menjalani Latihan Industri kepada pelajar-pelajar USIM pada masa yang akan datang. Segala kesulitan yang dialami oleh pihak tuan/puan berhubung perkara di atas amat dikesali.

"BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA"

Saya Yang Menjalankan Amanah,

YBHG. PROF. MADYA DR. RAFIDAH HANIM MOKHTAR
 Pengerah
 Pusat Libatsama Masyarakat & Jaringan Industri

RUJUKAN:

1. Garis Panduan Latihan Industri 2016, Universiti Sains Islam Malaysia
2. Dasar Latihan Industri, Institut Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2010
3. Garis Panduan Latihan Industri Universiti Teknikal Malaysia
4. Buku Panduan Latihan Industri Universiti Pendidikan Sultan Idris
5. Garis Panduan Latihan Profesional / Industri Universiti Teknologi MARA
6. Peraturan Praktikum Universiti Utara Malaysia
7. Dewan Bahasa Dan Pustaka Online

SENARAI PENILAI DAN PENGHARGAAN

Pusat Libatsama Masyarakat Dan Jaringan Industri, Universiti Sains Islam Malaysia dengan sukacitanya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung di atas segala sumbangan dan kerjasama yang diberikan.

Pn. Yuhani Jamiran Penasihat Undang-Undang, Jabatan Undang-undang	Dr. Wan Nur Rahini Aznie Zainudin Ketua Program, Fakulti Sains dan Teknologi
Prof Madya Dr. Awangku Abdul Rahman Awangku Yusoff, Bekas Pengarah, Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri	Dr. Mohd Nazmi Abd Manap Ketua Program, Fakulti Sains dan Teknologi
Dr. Hasnizam Hashim Ketua Program, Fakulti Syariah dan Undang-undang	Dr. Sakinah Ali Pitchay Ketua Program, Fakulti Sains dan Teknologi
Dr. Norhaziah Nawai Ketua Program, Fakulti Ekonomi dan Muamalat	Dr. Karmila Hanim Kamil Ketua Program, Fakulti Sains dan Teknologi
Dr. Suhaila Abdul Hamid Ketua Program, Fakulti Ekonomi dan Muamalat	Dr Farah Wahida Harun Ketua Program, Fakulti Sains dan Teknologi
Pn Wan Rasyidah Wan Nawang Ketua Program, Fakulti Ekonomi dan Muamalat	Dr. Wan Azura Wan Ahmad Ketua Program, Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Dr. Izlawanie Muhammad Ketua Program, Fakulti Ekonomi dan Muamalat	Dr. M Norazizi Sham Mohd Sayuti Ketua Program, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Dr. Junaidah Abu Seman Ketua Program, Fakulti Ekonomi dan Muamalat	Ar. Fadli Arabi Ketua Program, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
Dr. Mohd Azman Hashim@Ismail Ketua Program, Fakulti Sains dan Teknologi	Profesor Madya Dr. Rafidah Hanim Mokhtar Pengarah, Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri
En Ahmad Farhi Ketua Bahagian Pengurusan Akademik	En Mohd Zainudin Wan Yusof Penolong Pengarah Kanan Darul Quran, JAKIM
Dr. Mohd Yusuf Ismail Ketua Program Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	Dr. Norzulaili Mohd Gazali Ketua Program Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Dr. Kauthar Abd Kadir Ketua Program Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah	Dr. Kalsom Ali Ketua Program Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
Dr. Siti Nubailah Mohd Yusuf Ketua Program Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	Dr. Mohd Rosmizi Abd Rahman Ketua Program Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Dr. Eizan Azira Mat Sharif Ketua Program Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	Dr. Norfadhila Mohamad Ali Ketua Program Fakulti Syariah dan Undang-undang

Pn. Nur Aida Abd Rahman Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Pengurusan Akademik	Pn Noorazera Azizan Pegawai Teknologi Maklumat Kanan GOAL ITQAN
Pn Siti Hana Sarbini Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	Pn Faeza Ramly Pegawai Teknologi Maklumat GOAL ITQAN
En. Mohd Fazhiruddin Kamaruddin Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar	En. Muhammad Haziq Anuar Penolong Pegawai Teknologi Maklumat GOAL ITQAN
Pn. Marsita Md. Nor Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri	Dr. Hanim Hj. Misbah Penyelaras Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri
Pn. Alyani Md. Ariffin Setiausaha Pejabat, Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri	En. Mohd. Hilmi Daud Pembantu Tadbir Kanan, Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri
Pn. Noorul Afza Hidayu Noor Mahadzir Pembantu Tadbir, Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri	En. Ahmad Shafik Zaruddin Pembantu Operasi, Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri

EDITOR :

Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim Mokhtar	Pengarah, PLiMJI, USIM
Dr. Hanim Hj. Misbah	Penyelaras PLiMJI, USIM
Pn. Marsita Md. Nor	Penolong Pendaftar Kanan, PLiMJI, USIM
Pn. Alyani Md. Ariffin	Setiausaha Pejabat, PLiMJI, USIM
En. Mohd. Hilmi Daud	Pembantu Tadbir Kanan, PLiMJI, USIM
Pn. Noorul Afza Hidayu Noor Mahadzir	Pembantu Tadbir, PLiMJI, USIM
En. Ahmad Shafik Zaruddin	Pembantu Operasi, PLiMJI, USIM

**PUSAT LIBATSAMA MASYARAKAT DAN JARINGAN INDUSTRI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
BANDAR BARU NILAI, 71800**



**Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri,
Aras 3, Bangunan Canselori,
Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Bandar Baru Nilai,
Nilai, Negeri Sembilan**

Telefon : +606 798 8051/8078

Fax : +606 798 6291

Email : info.plmji@usim.edu.my



9 789671 744208